

Sang Saka Biru juara dikir UPM

SERDANG 30 Mac – Kumpulan dikir barat, Sang Saka Biru dari Kolej Sepuluh Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Senandung Irama Dikir Barat (Sidrat 09) dengan menewaskan 11 kolej kediaman lain baru-baru ini.

Selain menyandang gelaran juara, Kolej Sepuluh turut memenangi anugerah sampingan iaitu Tukang Karut Terbaik.

Naib johan disandang oleh Kolej Canselor yang turut memenangi anugerah khas Juara Terbaik dan Persembahan Terbaik sementara tempat ketiga dimenangi Kolej Mohamad Rashid dan Keceriaan Terbaik dimenangi Kolej Sebelas.

Pegawai Tadbir Hal Ehwal Pelajar Unit Seni Budaya dan Kreatif, Mohd. Isnain, berkata, tema *Rasuah Pemusnah Bangsa* dipilih sebagai tema lagu wajib.

Jelasnya, tema itu dipilih bagi memupuk sikap antirasuah di kalangan mahasiswa yang bakal menerajui kepimpinan negara.

“Melalui penerapan tersebut, budaya antirasuah dapat mengekalkan sahsiah pelajar sebagai bangsa yang berpekerti mulia dan luhur.

“Ia juga dapat menarik kembali minat terhadap seni dikir barat sebagai bentuk hiburan yang sihat di kalangan pelajar,” katanya.

U. MALAYSIA APRIL 09.